

**Biografi Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Tairobi Bin Abdul Razak (B)**

Syakirah Abd Rahim  
Nurihan Mat Seman  
Abdul Rahman Ahmad  
Mohd Shamsul Mohd Shoid

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

*Abstrak*

Artikel ini selain berasaskan sumber daripada pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh, ia juga berasaskan kepada sumber lisan yang telah dijalankan bersama tokoh iaitu Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Tairobi bin Abdul Razak yang merupakan seorang bekas anggota tentera Rejimen Askar Jurutera Diraja. Pengalaman kerjaya seorang anggota tentera ini dapat memberi kesan dan manfaat kepada orang ramai terutamanya bagi yang ingin melibatkan diri dalam bidang ketenteraan. Sumber lisan ini dapat dijadikan sebagai rujukan primer di masa akan datang. Oleh itu, maklumat ini perlu didokumentasikan melalui teknik sejarah lisan. Konteks ini memberi fokus kepada biografi tokoh yang begitu penting dalam membentuk jati diri negara anak bangsa itu sendiri selain bercorakkan ketenteraan yang menjadi pemangkin kepada anak bangsa untuk terus berjaya serta memberikan sumbangan yang besar kepada Negara, bangsa dan agama. Objektif kajian ini ialah untuk memberi pendedahan mengenai sumbangan tokoh sepanjang terlibat dalam Rejimen Askar Jurutera Diraja.

**Kata kunci:** Mohd Tairobi bin Abdul Razak, Angkatan Tentera Malaysia, Rejimen Askar Jurutera Diraja, Misi Bosnia-Herzegovina

### **Latar belakang Mohd Tairobi bin Abdul Razak**

Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Tairobi bin Abdul Razak merupakan anak jati Kampung Olak Lempit, Banting, Selangor Darul Ehsan dan dilahirkan pada 12 Januari 1947. Beliau merupakan anak kepada Haji Abdul Razak bin Haji Bakri yang merupakan seorang petani, imam dan juga Ketua Kampung Olak Lempit, Selangor. Ibu beliau, Hajah Sofiah binti Mohd Yusof pula merupakan suri rumah tangga sepenuh masa. Merupakan anak kesepuluh daripada empat belas orang adik beradik dan telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1974 bersama Datin Zainon bin Noordin. Hasil daripada perkahwinan ini, mereka telah dikurniakan dua orang putera dan seorang puteri. Sukan golf amat bertepatan dengan perwatakan beliau yang mementingkan sasaran dan matlamat yang tepat dan jelas terhadap sesuatu perkara serta gemar mengisi masa lapang dengan membaca. Pernah bercita-cita untuk menjadi seorang doktor tetapi tidak kesampaian namun tidak mematahkan semangat untuk terus berjaya. Prinsip hidup yang sentiasa baik dengan semua orang, menjalankan kerja atau tugas yang diberikan dengan sebaik dan sesempurna yang boleh dan tidak menyusahkan orang lain menyebabkan beliau disenangi oleh orang ramai.

### **Latar belakang pendidikan**

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Umum Olak Lempit dan kemudiannya menamatkan A Level di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh pada tahun 1967. Bukan sahaja merupakan seorang pelajar cemerlang dalam akademik namun turut aktif dalam sukan bola sepak, takraw dan hoki. Pengalaman yang tidak dapat dilupakan adalah sewaktu di STAR kerana cara hidup di asrama sangat berbeza dengan kebiasaan yang dialaminya di rumah.

Menjalani latihan Kadet di Maktab Tentera Diraja pada 5 September 1968 dan telah ditauliahkan ke dalam askar Jurutera pada tahun 1970 sebagai seorang pegawai tentera berpangkat Leftenan Muda. Pengaruh daripada pengalaman sewaktu kecil iaitu rumah belau pernah diserang oleh penganas komunis menyebabkan beliau sekeluarga terpaksa menumpang bermalam di rumah jiran-jiran sedikit sebanyak telah mendorong untuk

menyertai tentera. Selain itu, melihat rakan-rakannya yang telah dapat pergi berkusus ke seberang laut sedikit sebanyak mempengaruhi beliau untuk memasuki tentera. Bapa beliau telah menyokong penuh keputusan untuk menjadi seorang anggota tentera namun adik beradiknya tidak berapa jelas untuk memberikan sokongan. Namun, setelah ditauliahkan, semua ahli keluarganya menerima dan memberikan sokongan sepenuhnya.

### **Rejimen Askar Jurutera Diraja**

Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Tairobi telah diserap ke dalam Kor Rejimen Askar Jurutera Diraja dan ditempatkan di Kem Batu Kentomen. Jawatan pada ketika itu adalah sebagai Pegawai Troop yang berperanan untuk membantu Ketua Troop. Tugas pertama yang telah dikendalikan adalah sewaktu berlaku banjir besar di Pahang yang terlibat membantu untuk menghantar bantuan-bantuan kepada orang ramai di pusat pemindahan dengan gaji permulaan pada ketika itu adalah sebanyak RM360. Selepas Konfrentasi Indonesia-Malaysia, Dato' Pahlawan Mohd Tairobi telah terpilih untuk menjalani kursus dan lulus Kursus Asas Komando dan Payung Terjun pada tahun 1971 di Pusat Latihan Pasukan Kursus dan Lintas Udara, Bandung, Indonesia bersama beberapa anggota lain dan telah memperoleh "red bweret". Ini adalah merupakan salah satu program hubungan baik antara Indonesia dan Malaysia dengan mengadakan pertukaran latihan dan pentadbiran tentera kedua Negara.

Setelah tamat menjalani Kursus Asas Komando di Indonesia, beliau telah menyertai Kursus Asas Komando di Kem Sungai Udang, Melaka dan telah memperoleh "green bweret". Beliau merupakan pegawai bukan Infantri yang pertama memperolehi kejayaan yang sedemikian dan telah dilantik menjadi sebagai Ketua Squadron Tempur di Kluang setelah tamat menjalani kursus tersebut. Tugas utamanya adalah melatih Pegawai Muda dan anggota-anggota Rejimen Askar Jurutera mendapatkan kemahiran dan kepakaran dalam menjalankan tugas yang dipanggil "Combat Engineering". Latihan ini bertujuan untuk melatih sekumpulan Rejimen Askar Jurutera untuk dilengkapi dengan kepakaran khusus khas untuk mengesan dan memusnahkan jerangkap samar, serta turut diperkasa dengan latihan-latihan

fizikal ala komando bagi membolehkan mereka diatur gerak dengan lebih berkesan dan efisien bersama rakan-rakan Infantri lain di barisan hadapan. Sepanjang perkhidmatan beliau, terdapat banyak cabaran yang perlu ditempuhi. Antaranya ialah semasa ingin menubuhkan Engineer Cobra Troop dan yang keduanya ialah semasa ditugaskan untuk menjadi Jurulatih di Sekolah Tentera Darat. Hal ini demikian kerana ingin melahirkan anggota tentera dan pegawai yang berkemahiran dalam bidang masing-masing. Mengakui cabaran pada ketika itu adalah sistem amalan yang diguna pakai agak tidak bersesuaian menyebabkan beliau merangka satu rangka atau pelan pembelajaran silibus yang baru dan telah membentangkan ideanya di hadapan Ketua Jurutera pada ketika itu dan telah diluluskan.

Rejimen Askar Jurutera Diraja mempunyai keunikannya yang tersendiri. *"First In, Last Out"* merupakan satu ungkapan yang sesuai untuk menggambarkan mengenai Kor Jurutera ini. Mereka ada di mana-mana sahaja dan merupakan kor yang pertama masuk ke medan dan merupakan kor yang terakhir keluar dari medan petempuran. Hal ini demikian kerana, mereka harus memastikan dan membersihkan kawasan medan ataupun menyediakan kelengkapan tempat tinggal dan bekalan air bersih kepada tentera lain sebelum menetap di suatu kawasan. Apabila berakhirnya atau terpaksa berpindah ke tempat lain, mereka akan memusnahkan segala galanya bagi menghapuskan jejak supaya tidak dikesan oleh pihak musuh.

Sewaktu perkhidmatan beliau, Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah merupakan Kolonel Yang Di-Pertua bagi Rejimen Askar Jurutera Diraja. Pada tahun 1985-1988, Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Tairobi telah ditugaskan untuk mengetuai Projek Penyesuaian Latihan Formal di Institut Kejuruteraan Medan dan mendapati bahawa sistem utama yang digunakan tidak sesuai serta kaedah pengajaran yang telah digunakan turut tidak menepati objektif dan terakhirnya yang paling penting iaitu kaedah pengukuran peperiksaan kerana ujian kemahiran haruslah lebih kepada praktikal namun hanyalah berfokuskan kepada kemahiran sahaja. Oleh itu, beliau telah merombak semula sistem dan silibus yang telah dijalankan dan mewujudkan satu sistem yang baru dimana organisasi yang baru boleh menjalankan sistem yang baru diamalkan. Selain itu, beliau turut melatih

Ketua Jurulatih dan pembantu latihan yang baru dan ternyata kaedah baru ini lebih berkesan dan munasabah untuk anggota Rejimen Askar Jurutera Diraja. Pada tahun 1992, beliau merupakan salah seorang daripada tujuh orang anggota Rejimen Askar Jurutera Diraja yang dipilih untuk menyertai

Pasukan Kajian Pelaksanaan TQM di Kementerian Pertahanan Australia selama tiga bulan. Setelah tamat, mereka yang terpilih ini telah dihantar ke pangkalan-pangkalan yang telah mengaplikasikan kaedah TQM dan membuat analisis serta kajian kes untuk mencari jalan penyelesaian bersama. Laporan kajian pasukan tersebut sedikit sebanyak telah menyumbang kepada pembudayaan TQM dalam Angkatan Tentera Malaysia dan masih diguna pakai sehingga kini.

Sewaktu memegang jawatan sebagai Ketua Staf Divisen 1 di Kuching, Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Tairobi telah terlibat di dalam Pasukan Perancang Operasi Darat Wilayah Sabah/Sarawak dan Kalimantan, Indonesia yang dikenali sebagai Team Operasi Perancang Darat. Ini merupakan salah satu kerjasama di antara pertubuhan Malaysia dan pertubuhan Indonesia untuk mengenal pasti dan membuat perancangan bagi mengawal perbatasan Malaysia-Indonesia. Oleh itu, pasukan ini akan mengadakan mesyuarat bersama tiga bulan sekali.

### **Misi ke Bosnia-Herzegovina**

Dato' Pahlawan Mohd Tairobi pernah dihantar ke Bosnia-Herzegovina pada akhir tahun 1994. Mengakui wujudnya kebimbangan dalam kalangan ahli keluarga untuk melepaskan beliau menjalankan tugas kerana konflik peperangan yang besar di Bosnia-Herzegovina pada ketika itu namun menyatakan jauh di sudut hati ahli keluarganya turut terselit perasaan bangga kepada beliau. Ditugaskan menjadi Ketua Pemerhati bagi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dan berada di Bosnia-Herzegovina selama 15 bulan. Pernah meragui dengan kebolehan diri dan tertanya-tanya kewajaran untuk menghantar beliau dan beberapa pegawai lain ke sana, beliau berpendapat bahawa ada pertindihan tugas dengan pihak lain dan ada masanya mereka berasa terpinggir. Namun sebagai seorang Kolonel yang bertanggungjawab,

setiap tugas yang diberikan hendaklah dilakukan sepenuhnya kepada nilai mereka bagi merancang dan mewujudkan suasana yang membolehkan semua pihak yang bertelagah bersemuka, berunding dan berdamai.

Mengakui pengalaman baru semasa bertugas di sana kerana bunyi tembak-menembak sentiasa kedengaran di luar tempat beliau menginap. Selain ditugaskan untuk mempromosikan genjatan senjata, beliau juga mengendalikan rundingan, menguruskan tawanan perang antara pihak ke pihak untuk dihantar pulang. Suasana peperangan yang besar di Bosnia-Herzegovina telah mengorbankan dua orang anggota beliau. Menyatakan, wujudnya karenah birokrasi menyebabkan perjalanannya untuk menghantar pulang jenazah yang terkorban memakan masa hampir dua ke tiga hari. Dato' Pahlawan Mohd Tairobi boleh dikatakan sebagai seorang ketua yang amat bertanggungjawab.

### **Anugerah dan Pencapaian**

Mempunyai sedikit perbezaan pendapat, beliau menyatakan anugerah yang paling bermakna adalah apabila bekas anak-anak murid yang pernah menuntut ilmu bersama pada ketika dahulu masih berhubung dan bertanya khabar sehingga kini. Tidak ada anugerah yang paling bermakna melainkan bekas anak-anak murid masih menjadikan beliau sebagai rujukan dan masih memberi penghargaan dengan menjadi jemputan utama di majlis-majlis besar. Selain itu, anugerah fizikal yang diberikan adalah apabila mendapat kelulusan komando di Bandung, Indonesia, dan telah diberikan beret merah pada tahun 1971 dan kemudiannya beret hijau di Sungai Udang, Melaka dan mendapat pangkat Brigedier Jeneral pada Mac 2000. Turut dianugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan Pertahanan oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada tahun 2016, beliau merupakan seorang bekas anggota tentera yang banyak berjasa kepada Negara. Selain itu, dikurniakan Darjah Kebesaran Persekutuan iaitu AMN (Ahli Mangku Negara), KMN (Kesatria Mangku Negara), JSM (Johan Setia Mahkota) dan PPT (Pegawai Perkhidmatan Tentera) serta turut diberikan Darjah Kebesaran Persekutuan iaitu dari Negeri Selangor, SMS (Darjah Kebesaran Setia Mahkota Selangor), PIS (Pingat Ibrahim Sultan Johor) dari Negeri Johor, DPTS (Darjah

Dato'Pahlawan Taming Sari), ACM (Darjah Ahli Cura Si Manja Kini) dan PCM (Paduka Ahli Cura Si Manja Kini) dari negeri Perak.

### **Bersara**

Setelah berkhidmat selama 36 tahun sebagai seorang anggota tentera, Dato' Pahlawan Mohd Tairobi' Abdul Razak akhirnya menamatkan perkhidmatannya pada 12 Januari 2004. Mengakui berasa amat sedih untuk meninggalkan Rejimen Askar Jurutera Diraja dan kenalan rapat yang telah banyak memberi kenangan manis kepadanya. Beliau kemudiannya telah meyerahkan jawatannya iaitu sebagai Ketua Jurutera kepada Almarhum Brigedier Dato' Jamil bin Tahir. Majlis persaraan beliau telah diadakan di Kluang.

### **Aktiviti selepas bersara**

Setelah bersara, Dato' Pahlawan Mohd Tairobi bin Abdul Razak banyak mengisi masa lapang dengan terlibat aktif dalam Persatuan Veteran Rejimen Askar Jurutera Diraja. Tujuan penubuhan persatuan ini adalah untuk memastikan bahawa silaturahim antara beliau dan rakan-rakan yang wujud dahulu tidak hilang dan sentiasa mempunyai hubungan yang baik dalam kalangan mereka. Beliau juga turut aktif dalam membantu rakan-rakan anggota Rejimen Askar Jurutera Diraja yang kurang berkemampuan dengan memberi sumbangan dan bertanya khabar. Selain itu, beliau juga terlibat untuk membantu beberapa rakannya dalam bidang ekonomi. Terdapat dalam kalangan rakan-rakan beliau membuka bisnes yang mempunyai kaitan dengan memberi balik sumbangan mereka kepada tentera. Disamping itu, beliau juga gemar mengisi masa dengan bermain golf dan meluangkan masa dengan sebaik mungkin bersama keluarga tercinta.

### **Rujukan**

Md. Zin Sham (2017). *Bintang-Bintang Bergemerlapan*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.

Lt Kol Hj Basri (2003). *Jubli Emas Rejimen Askar Jurutera Diraja 1953-2003*. Kuala Lumpur: Jabatanarah Jurutera Markas Tentera Darat.